

**TERMA DAN SYARAT**  
**PELAN BAYARAN MUDAH (PBM)**  
**1 JULY 2024**

- 1) Pelan Bayaran Mudah (PBM) terbuka kepada semua Pemegang Utama atau Tambahan Kad VISA dan MasterCard Bank Islam ("Ahli Kad-i") (kecuali Kad Debit-i dan Kad Kredit-i Bank Islam Bisnes) yang menetap di Malaysia dan memiliki Akaun Kad yang sah. Akaun Kad mestilah berada dalam keadaan terkini dan semasa pada tarikh pembelian dibuat.
- 2) Ahli Kad-i boleh memilih pelan bayaran sehingga 36 bulan bergantung kepada persetujuan setiap saudagar kongsi Pusat Kad Bank Islam (PKBI), berdasarkan amaun minima (dalam satu resit) sebagaimana berikut:

PBM (bulan)	Amaun Transaksi Minimum (RM)
03	150
06	300
12	600
18	900
24	1,200
36	1,800

- 3) Sebaik sahaja permohonan PBM diluluskan, amaun penuh yang dimohon akan ditahan dari Akaun Kad. PKBI akan mendebit Akaun Kad Ahli Kad-i dengan bayaran berdasarkan pelan pada setiap bulan, sepanjang tempoh pelan sebagaimana yang dinyatakan di atas. Jumlah pembiayaan keseluruhan akan ditolak dengan Amaun Pembelian yang mana amaun ini tidak boleh digunakan lagi oleh Ahli Kad-i, namun akan kembali kepada jumlah asal secara progresif setiap bulan setelah bayaran bulanan dibuat.
- 4) Sekiranya baki Akaun Ahli Kad-i tidak mencukupi semasa transaksi PBM dikenakan, Ahli Kad-i perlu mengambil tanggungjawab penuh dan mengambil semua tindakan yang perlu untuk mengatur kembali Akaun Kad.
- 5) Ahli Kad-i tidak akan dikenakan yuran dan caj tambahan untuk bayaran ansuran bulanan di dalam Program PBM.  
Contoh pengiraan adalah seperti berikut:

<b>Contoh:</b>	
<b>Jumlah PBM: RM1,200</b>	
<b>Pelan PBM: 06 bulan</b>	
Tempoh (Bulan)	Ansuran Bulanan
1 <sup>st</sup>	RM200.00
2 <sup>nd</sup>	RM200.00
3 <sup>rd</sup>	RM200.00
4 <sup>th</sup>	RM200.00
5 <sup>th</sup>	RM200.00
6 <sup>th</sup>	RM200.00
Jumlah Bayaran	RM1,200.00

- 6) Ahli Kad-i yang berdaftar dengan PBM adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang mengawal selia penggunaan dan operasi Akaun Kad Bank Islam, termasuklah dengan terma-terma dan syara-syarat lain yang akan dinyatakan kemudian.
- 7) Saudagar-saudagar yang dilantik oleh PKBI sebagai saudagar-saudagar utama adalah bertanggungjawab terhadap produk atau servis yang menawarkan PBM dan juga bertanggungjawab terhadap urusan jualan dan penghantaran produk atau servis berkenaan. PKBI sama sekali tidak akan bertanggungjawab dengan setiap kerugian dan kerosakan yang timbul ekoran dari kelewatan atau kegagalan penghantaran. PKBI hanya bertanggungjawab menawarkan kaedah pembayaran untuk barangan atau servis menggunakan Kad Bank Islam sahaja.
- 8) PKBI akan membuat segala bayaran yang berkaitan dan / atau bayaran berkala kepada saudagar utama dengan mengecaj Kad Bank Islam yang dimiliki oleh Ahli Kad-i berdasarkan pelan yang dimohon. PKBI menafikan sebarang liabiliti atau kewajipan yang berkaitan dengan barang(-barang) yang dijual dan ditawarkan kepada Ahli Kad-i oleh saudagar utama yang merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk semua obligasi dan liabiliti yang berhubungan dengan pembekalan, penjualan, kebolehdagangan dan jaminan dan semua perkhidmatan sampingan lain berkenaan dengan barangan yang dijual.
- 9) Butir-butir dan maklumat yang diberikan oleh Ahli Kad-i di dalam Borang Pesanan adalah dianggap muktamad dan tidak boleh dibatalkan.
- 10) Penyempurnaan pesanan belian adalah tertakluk kepada ketersediaan stok, Had Pembiayaan yang mencukupi di dalam Akaun Ahli Kad-i Utama dan penerimaan oleh PKBI dan saudagar-saudagar utama.
- 11) Sebaik sahaja pesanan diterima, PKBI akan mendebitkan jumlah harga pembelian barang-barang dari Had Pembiayaan Akaun Kad Ahli Kad-i Utama. Butir-butir urusniaga akan tertera pada penyata bulanan kad akaun Ahli Kad-i.
- 12) Ahli Kad-i boleh membayar harga barangan dalam satu bayaran atau dalam 3, 6, 12, 18, 24 atau 36 ansuran bulanan yang sama banyak sebagaimana yang diperuntukkan oleh PKBI bawah PBM.
- 13) Ansuran yang telah dibilkan, adalah tertakluk kepada kadar Caj Keuntungan biasa yang dikira dari tarikh pengeposan.
- 14) Bagi bayaran barang-barang tersebut secara ansuran, apabila permohonan PBM diterima, Ahli Kad-i dengan ini bersetuju dengan PKBI seperti berikut:

**TERMA DAN SYARAT  
PELAN BAYARAN MUDAH (PBM)  
1 JULY 2024**

- a) PKBI diberi kuasa oleh Ahli Kad untuk membuat bayaran kepada saudagar(- saudagar) utama serta-merta setelah penerimaan PBM;
- b) Ansuran bulanan akan dikenakan & dimasukkan ke dalam penyata bulanan Kad Bank Islam pada tarikh kelulusan sehingga penyelesaian penuh PBM.
- c) Bermula 2 Oktober 2019, untuk semua langganan PBM baharu, ansuran bulanan hendaklah dibayar secara penuh bersama 5% bayaran minimum setiap bulan. Maklumat lanjut sila rujuk ilustrasi seperti yang dibawah:

**Ilustrasi:**

**Had Pembiayaan** – RM5,000

**\*Baki Penyata** – RM5,400

\*Nota: Baki Penyata termasuk GoFlexi sebanyak RM100 sebulan, PBM sebanyak RM100 sebulan dan Baki Qard sebanyak RM400.

**Bayaran Minimum Tertunggak** – RM300

<b>Pengiraan Sebelum :</b>	<b>Pengiraan Baharu :</b>
$= [5\% \times (RM5,400 - (RM5,400 - RM5,000))] + RM400 + RM300$ $= RM950$	$= [5\% \times (RM5,400 - RM100 - RM100 - (RM5,400 - RM5,000))] + RM400 + RM300$ $+ RM100 + RM100$ $= RM1,140$

- 15) Jika berlaku kemungkiran dalam pembayaran apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah Akaun Kad atau pelanggaran mana-mana peruntukan Perjanjian Ahli Kad-i dan / atau mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di sini oleh Ahli Kad-i dan / atau pembatalan Kad Bank Islam dan / atau penamatan Akaun Kad atas apa jua sebab, Ahli Kad-i bersetuju seperti berikut:
  - a) Semua ansuran yang tertunggak atau baki wang yang masih belum dijelaskan akan dengan serta-merta menjadi tertunggak dan perlu dibayar oleh Ahli Kad-i dan ianya akan dicaj kepada Akaun Kad di mana semua terma dan syarat di dalam Perjanjian Ahli Kad-i adalah terpakai ke atas ansuran atau baki tersebut;
  - b) PKBI mempunyai hak untuk menamatkan perjanjian ansuran bulanan.
- 16) Untuk penghantaran, Ahli Kad-i mesti menyatakan butir-butir penuh alamat yang akan digunakan sebagai bukti pengesahan penerimaan. Ahli Kad-i bertanggungjawab ke atas semua caj penghantaran dan tiada sama sekali tempoh percubaan ditawarkan untuk barangan yang dibeli. Barangan tidak akan dihantar ke alamat peti pos pejabat dan / atau alamat di luar negara.

**TERMA DAN SYARAT**  
**PELAN BAYARAN MUDAH (PBM)**  
**1 JULY 2024**

---

Penerimaan secara manual atau penghantaran ke PKBI atau manamana cawangan Bank Islam adalah tidak dibenarkan.

- 17) PKBI tidak akan mengambil item barangan yang dikembalikan oleh Ahli Kad-i untuk sebarang sebab sekalipun. PKBI selanjutnya tidak akan bertanggungjawab bagi apa jua barangan yang / hilang, dicuri atau rosak sekalipun.
- 18) Ahli Kad-i dinasihatkan untuk memeriksa dengan saudagar-saudagar masing-masing berhubung setiap syarat dan tempoh jaminan. Kad Jaminan mungkin akan disertakan bersama barangan yang dibeli, bergantung kepada barangan berkenaan. PKBI tidak membuat sebarang representasi atau waranti berkenaan dengan barangan tersebut terutamanya, kebolehdagangan, kualiti, kesesuaian untuk digunakan dan semua perkhidmatan tambahan lain. Untuk perkhidmatan dan pembaikan, Ahli Kad-i hendaklah menghubungi pihak saudagar-saudagar masing-masing secara terus.
- 19) Ahli Kad-i memahami sepenuhnya bahawa proses ini akan dilakukan dengan sebaik mungkin dan Ahli Kad-i mesti menerima barang tersebut dalam apa jua keadaan dan membebaskan PKBI dari semua tanggungjawab sekiranya barang tersebut mengalami sebarang kerosakan sewaktu penghantaran. Tiada barang ganti dibenarkan di bawah apa-apa keadaan atau atas apa-apa sebab sekalipun.
- 20) Penghantaran akan diaturkan dalam tempoh masa seperti yang ditetapkan oleh pihak saudagar-saudagar masing-masing dari tarikh penerimaan Borang Pesanan, tertakluk kepada ketersediaan stok.
- 21) Terma dan syarat ini adalah tambahan kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian Ahli Kad yang terpakai bagi Akaun Kad dan sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat ini dan Perjanjian tersebut, terma dan syarat ini akan diguna pakai bagi PBM dan pembelian barangan oleh Ahli Kad-i.
- 22) Pihak Bank berhak mengubah atau meminda terma-terma dan/atau syarat-syarat ini tertakluk kepada peraturan - peraturan dan prinsip - prinsip Syariah dengan memberi notis 21 hari secara bertulis kepada Ahli Kad-i dan pindaan dan perubahan yang dibuat hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti yang dirujuk sebelum ini dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan tidak ada apa yang terkandung dalam ini boleh ditafsirkan sebagai melarang atau menyekat atau menjejaskan hak pihak Bank dalam ini untuk mengubah atau meminda terma dan/atau syarat tanpa keperluan untuk mendapatkan persetujuan atau pengesahan Ahli Kad-i.
- 23) Perkara yang ditawarkan di dalam dokumen ini adalah tertakluk kepada perubahan dan / atau peningkatan dalam spesifikasi produk dan harga tanpa notis terlebih dahulu.